

astro

AWANI

## KPDNHEP kawal harga 11 barang sempena musim perayaan

Fauzi Suhaimi, Astro Awani | Diterbitkan pada Mei 19, 2020 16:24 MYT | Durasi: 1 minit, 14 saat



KPDNHEP dalam kenyataan memaklumkan, 11 barang yang dikawal harga termasuk ayam, daging lembu, daging kerbau, telur, daging babi dan kelapa. - Gambar Astro AWANI/SHAHIR OMAR

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengumumkan 11 jenis barang kawalan yang terlibat dalam pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) pada musim perayaan kali ini.

KPDNHEP dalam satu kenyataan memaklumkan, 11 barang tersebut termasuk ayam, daging lembu, daging kerbau, telur, daging babi dan kelapa.

Menurut kenyataan itu, pelaksanaan skim itu melibatkan ketiga-tiga perayaan iaitu Aidilfitri, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai, yang akan disambut tidak lama lagi.

"Pelaksanaan SHMMP bagi ketiga-tiga perayaan tersebut dibuat dengan beberapa penyesuaian tempoh masa dan barang untuk memberi ruang kepada peniaga memulihkan perniagaan mereka setelah melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sekarang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) tanpa menjaskan kepentingan pengguna atau peniaga.

"Hari Raya Puasa dijangka disambut pada 24 Mei dan tarikh kuat kuasa skim ini adalah bermula 20 Mei hingga 3 Jun iaitu selama 15 hari .

"SHMMP bagi Pesta Kaamatan dan Hari Gawai pula akan bermula dari 28 Mei hingga 3 Jun 2020 iaitu selama tujuh hari," katanya dalam kenyataan di sini pada Selasa.

Menurut KPDNHEP, pelaksanaan skim itu bertujuan memastikan harga barang terpilih terkawal dengan penetapan harga siling di peringkat pasar basah dan penjaja kecil yang menjadi tumpuan pengguna berbelanja pada musim perayaan.

"Barangan ini mendapat permintaan tinggi oleh masyarakat yang menyambut perayaan, oleh itu kawalan harga dibuat ke atas barangan ini bagi menstabilkan harga dan bekalannya di pasaran," katanya.

**9. Senarai harga barangan harga terkawal bagi SHMMP HARI RAYA PUASA, PESTA KAAMATAN dan HARI GAWAI 2020 adalah seperti berikut:**

| <b>Harga Maksimum Skim Kawalan Harga Musim Perayaan<br/>Hari Raya Puasa 2020<br/>Bagi Seluruh Semenanjung</b> |                              |         |                            |        |
|---|------------------------------|---------|----------------------------|--------|
| Bil   | Barangan                     | Unit    | <b>Harga (RM)</b>          |        |
|   |                              |         | Borong                     | Runcit |
| 1   | Ayam hidup                   | 1kg     | 5.70                       | 6.20   |
| 2   | Ayam standard                | 1kg     | 6.70                       | 7.50   |
| 3   | Ayam super                   | 1kg     | 7.50                       | 8.40   |
| 4   | Telur ayam gred A            | sebijji | 0.38                       | 0.40   |
| 5   | Telur ayam gred B            | sebijji | 0.37                       | 0.39   |
| 6   | Telur ayam gred C            | sebijji | 0.36                       | 0.38   |
| 7   | Daging lembu tempatan        | 1kg     | 32.00                      | 34.00  |
| 8   | Daging lembu import          | 1 kg    | *Dikawal di Sarawak Sahaja |        |
| 9   | Daging kerbau import (India) | 1kg     | 18.00                      | 20.00  |
| 10  | Kelapa biji                  | Sebijji | 1.90                       | -      |
| 11  | Kelapa parut                 | 1kg     | -                          | 7.20   |

**Harga Maksimum Skim Harga Maksimum Musim Perayaan  
Pesta Kaamatan 2020  
Bagi Sabah**

| Bil | Barangan                              | Unit   | Harga (RM) |        |
|-----|---------------------------------------|--------|------------|--------|
|     |                                       |        | Borong     | Runcit |
| 1   | Ayam hidup                            | 1 kg   | 5.90       | 6.60   |
| 2   | Ayam standard                         | 1 kg   | 8.50       | 9.50   |
| 3   | Ayam super                            | 1 kg   | 8.80       | 9.80   |
| 4   | Kepak ayam                            | 1 kg   | 12.00      | 13.00  |
| 5   | Telur ayam gred A                     | sebiji | 0.39       | 0.41   |
| 6   | Telur ayam gred B                     | sebiji | 0.38       | 0.40   |
| 7   | Telur ayam gred C                     | sebiji | 0.37       | 0.39   |
| 8   | Daging Kerbau Import (India)          | 1kg    | 20.00      | 21.00  |
| 9   | Babi hidup (dikawal peringkat ladang) |        | 11.00      |        |
| 10  | Daging babi (perut)                   | 1 kg   | 20.00      | 22.00  |
| 11  | Daging babi (daging dan lemak)        | 1 kg   | 18.00      | 20.00  |

**Harga Maksimum Skim Harga Maksimum Musim Perayaan  
Hari Gawai 2020  
Bagi Kuching, Sarawak**

| Bil | Barangan                              | Unit    | Harga (RM) |        |
|-----|---------------------------------------|---------|------------|--------|
|     |                                       |         | Borong     | Runcit |
| 1   | Ayam hidup                            | 1 kg    | 6.00       | 6.70   |
| 2   | Ayam standard                         | 1 kg    | 7.60       | 8.50   |
| 3   | Ayam super                            | 1 kg    | 8.50       | 9.50   |
| 4   | Kepak ayam                            | 1 kg    | 11.00      | 12.00  |
| 5   | Ayam tua hidup                        | 1 kg    | 7.10       | 7.90   |
| 6   | Telur ayam gred A                     | sebijji | 0.37       | 0.39   |
| 7   | Telur ayam gred B                     | sebijji | 0.36       | 0.38   |
| 8   | Telur ayam gred C                     | sebijji | 0.35       | 0.37   |
| 9   | Daging lembu import                   | 1kg     | 25.00      | 27.00  |
| 10  | Babi hidup (dikawal peringkat ladang) | 1 kg    | 10.00      |        |
| 11  | Daging babi (Perut)                   | 1 kg    | 17.50      | 19.50  |
| 12  | Daging babi (daging dan lemak)        | 1 kg    | 16.50      | 18.50  |

Senarai harga barang yang terlibat dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-kawal-harga-11-barangan-sempena-musim-perayaan-243571>